

29 AUG 1997

BSKL AKAN PULIH DALAM MASA SEMINGGU, KATA AFFIFUDDIN

ALOR SETAR, 29 Ogos (Bernama) -- Pasaran saham negara ini diyakini akan melonjak kembali dalam masa seminggu sekiranya pengurus institusi tempatan kembali aktif dengan membuat pelaburan yang besar, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar, hari ini.

Beliau berkata mereka seharusnya aktif di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bagi mengimbangi kedudukan harga di pasaran saham negara ini dan mereka juga tidak sepatutnya mengikut rentak pengurus dana asing yang bersifat manipulatif.

"Sekiranya kesemua pengurus dana tempatan memasuki pasaran saham sekarang dengan jumlah pelaburan yang besar, kita yakin BSKL akan kembali pulih dalam tempoh hanya seminggu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Ekonomi dan Keusahawanan anjuran Pergerakan Wanita Umno Bahagian Jerlun, di Ayer Hitam, dekat sini.

Sambil memberi contoh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mempunyai dana sebanyak RM18 billion untuk menceburi urus niaga saham, beliau berkata institusi tempatan seharusnya mengorak langkah mendahului untuk membeli saham yang sekarang ini berada di paras harga yang rendah.

"Apabila pengurus dana asing melihat reaksi positif institusi tempatan, mereka akan turut kembali ke BSKL. Kita harus menterbalikkan situasi yang berlaku sekarang ini iaitu pelabur tempatan keluar dari pasaran kerana menyaksikan penarikan diri pengurus dana asing dari BSKL," katanya.

Di samping itu, katanya keyakinan pasaran saham kembali pulih adalah berdasarkan profil syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai asas yang kukuh ditambah pula dengan pengurusan yang baik, peningkatan keuntungan dan potensi yang cerah.

"Malahan ada beberapa syarikat yang telah mencapai taraf dunia," katanya.

Beliau berkata masalahnya sekarang ialah pengurus institusi tempatan yang kelihatan tidak mempunyai keyakinan untuk mengambil langkah mendahului di BSKL, selepas melihat penarikan diri pengurus dana asing.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan beberapa langkah untuk menyekat dana-dana asing daripada menjatuhkan pasaran saham tempatan melalui jualan singkat bersifat spekulatif.

Dr Mahathir meminta institusi tempatan seperti KWSP, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Permodalan Nasional Berhad dan pelabur swasta supaya membeli secara cergas di BSKL.

Indeks Komposit BSKL ditutup petang semalam dengan 812.18 mata akibat tekanan jualan yang berterusan. Sementara pada tengah hari ini, ia mencatatkan penurunan sebanyak 1.01 mata kepada 811.17.

BSKL dilaporkan menunjukkan tanda pemulihan pada sesi pagi ini setelah institusi tempatan secara perlahan memasuki pasaran berikutan arahan Perdana Menteri itu.

Penganalisa pasaran berkata kebanyakan institusi tempatan itu memasuki pasaran pada pukul 11 pagi ini.

Affifuddin melahirkan keyakinan bahawa institusi tempatan akan kembali cergas di BSKL berikutan arahan Perdana Menteri itu dan berpendapat kerajaan tidak perlu sampai ke tahap mewajibkan mereka "memasuki" BSKL.

Katanya ini adalah masa terbaik bagi para pelabur, terutama pelabur individu untuk membeli saham kerana harganya berada pada paras terendah, yang menurut beliau mungkin hanya berlaku sekali dalam tempoh 10 tahun. --
BERNAMA

MZM SIA